

## Durian di Pahang kurang menjadi, kualiti buah juga merosot

Mohd Rafi Mamat - Ogos 23, 2024 @ 10:46am  
bhnews@bh.com.my



Durian Kampung Ah Pong muncul juara pertandingan durian diadakan pada Hari Durian Daerah Pekan. - Foto NSTP/MOHD RAFI MAMAT

PEKAN: Cuaca panas berterusan sejak awal tahun menyebabkan pengeluaran durian di Pahang pada musim kali ini berkurangan.

Pengarah Jabatan Pertanian Pahang, Muhd Rizal Baharom, berkata pengeluaran 'raja buah' itu bekurang hampir 50 peratus disebabkan pelbagai faktor, antaranya bunga pokok itu tidak menjadi.

Menurutnya, kualiti buah yang dihasilkan juga sedikit merosot dengan pengeluaran durian di beberapa daerah seperti Raub, Jerantut dan Bentong.

"Faktor cuaca main peranan utama pengeluaran durian. Sekiranya cuaca panas berlarutan atau hujan berlebihan, pengeluaran durian akan terjejas. Rata-rata pekebun sudah jangka pengeluaran durian tahun ini berkurang.

"Walaupun penjagaan terbaik dari sehi pembajaan, saliran dan racun, ia bukan jaminan pengeluaran hasil memuaskan. Pengeluaran durian kali ini berlaku berperingkat, jualan yang sebelum ini rancak bertukar suram tahun ini," katanya ketika dihubungi.

Beliau berkata, untuk memeriahkan musim durian kali ini, setiap Pejabat Pertanian daerah menganjurkan 'Hari Durian', diisi pelbagai aktiviti seperti pertandingan durian kampung premium, pertandingan makan durian serta klinik pokok durian.

"Sebelum ini, penggemar durian tertumpu di Kampung Damak, Jerantut bagi mendapatkan beberapa durian klon termasuk Damak King yang kualitinya seperti Musang King," katanya.

Pada Hari Durian Pekan semalam, durian kampung *Ah Pong* ditanam Ahmad Sufian Abd Rahman di Kampung Gangchong Hilir muncul juara. Pertandingan makan durian dimenangi Azman Mohd Maulid dan Noor Hidayah Salleh dengan sembilan ulas durian kampung dalam masa dua minit.

Pegawai Pertanian Daerah Pekan, Abdul Halim Jamaludin, berkata *Hari Durian* kali ini tidak semeriah sebelum ini berikutan pengeluaran berkurang dan penganjur tidak dapat menyediakan banyak durian untuk pengunjung.

"Cuaca panas faktor utama pengeluaran durian dan rambutan serta beberapa buah-buahan lain kurang. Musim durian di daerah ini tidak mampu memenuhi permintaan penggemar raja buah itu kerana ada kebun tidak menghasilkan buah walaupun sebelumnya berbunga begitu lebat," katanya.